

10 JUL 1999

Mahathir-Subjek

MAHATHIR GESA UNIVERSITI IKUTI PERKEMBANGAN SEMASA

CYBERJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata universiti tempatan perlu memperkenalkan subjek dan disiplin baru memandangkan Malaysia kini bergerak menuju kepada era maklumat.

"Universiti tempatan perlu melepaskan diri daripada subjek tradisional yang tidak lagi relevan pada alaf baru dan era maklumat," katanya pada persidangan berita pada akhir mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini.

Beliau berkata walaupun jumlah universiti di Malaysia telah bertambah, sebahagian besar daripadanya masih memberi tumpuan kepada pembelajaran dan disiplin mengikut "kaedah lama".

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata universiti tempatan harus bergerak ke hadapan dengan memperkenalkan subjek yang relevan seperti teknologi komputer dan mikrocip yang akan mencipta sesuatu pembaharuan yang sebelum ini dianggap mustahil untuk dilakukan.

"Perkara itu adalah seperti animasi, data, maklumat mengenai orang ramai, syarikat dan kerajaan yang boleh digunakan untuk menjalankan perniagaan," katanya.

Ketika menjawab satu soalan, beliau berkata tidak perlu ada pengubahsuaian segera kepada sistem pendidikan tetapi rakyat secara keseluruhan harus belajar untuk memahami bahawa perubahan radikal akan berlaku termasuk mengenai cara negara ini ditadbir.

Beliau berkata para pelajar juga harus didedahkan kepada pendekatan baru di dalam pendidikan kerana kaedah lama pembelajaran tidak lagi mencukupi dalam era maklumat dan mereka perlu ada minda yang terbuka berhubung teknologi baru.

"Sebagai contoh, apa yang saya pelajari semasa di universiti kini hampir tidak berguna kerana terdapat teknologi baru dan perkara baru...kini anda boleh melakukan pembedahan dengan menggunakan kawalan jauh," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat IAP selama tiga hari itu telah menyedarkannya mengenai masa depan teknologi maklumat (IT) dan kesannya kepada ekonomi.

Beliau berkata kerajaan bersedia untuk membuat penyesuaian yang perlu kerana akhirnya negara harus menerima ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan kesannya.

IAP, yang dianggotai pakar dan pemimpin di dalam industri multimedia, dibentuk untuk menasihati kerajaan mengenai MSC iaitu sebuah kawasan merangkumi 750 km persegi ke selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan prodek dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata beliau banyak belajar mengenai kepentingan IT daripada para peserta IAP, yang merupakan kumpulan yang mempunyai pemikiran futuristik yang boleh menghasilkan sesuatu.

Beliau berkata Malaysia akan mengambil perhatian daripada input mereka yang dibuat semasa menghadiri pelbagai sesi dan akan memberi taklimat kepada anggota kabinet bagi menyesuaikan mereka dengan perubahan yang bakal berlaku.

"Kita tidak boleh menggunakan undang-undang lama...sebagai contoh di zaman lampau kita boleh tapis atau haramkan sesebuah akhbar. Hari ini kita telah hilang kuasa untuk mengharamkan apa-apa kerana mereka datang bertali arus...jadi bagaimana kita hendak menanganinya," katanya.

-- BERNAMA

TM AKD